



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/05/36 (HQ)

### **DATO' SERI MAHDZIR KHALID DILANTIK PENERUSI TNB**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Dato' Seri Mahdzir Khalid sebagai Pengerusi TNB berkuat kuasa 12 Mei 2020, menggantikan Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir yang dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermula 1 Mei 2020.

Dato' Seri Mahdzir bukanlah asing kepada industri tenaga elektrik negara dan TNB sendiri kerana beliau merupakan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau & Air dari Mei 2013 hingga Julai 2015, sebelum memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan sehingga 2018.

Bekas Menteri Besar Kedah dari Disember 2005 hingga Mac 2008 itu, mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan pernah menjadi pengerusi MADA (Muda Agricultural Development Authority) dan KEDA (Kedah Regional Development Authority), selain Timbalan Pengerusi Penggalakan Pelancongan Malaysia (Kementerian Pelancongan Malaysia).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, "Saya mewakili Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan serta seluruh warga kerja TNB mengalu-alukan pelantikan Dato' Seri Mahdzir yang berpengalaman luas dan tidak asing dengan industri tenaga elektrik."

"Dalam suasana yang mencabar ketika ini, kami yakin kepimpinan beliau dapat membantu TNB mengharungi cabaran semasa serta mencapai aspirasi transformasi syarikat ke arah menjadi antara 10 firma utiliti utama dunia menjelang 2025."

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Ahmad Badri yang sebelum ini adalah Ahli Lembaga Pengarah TNB mewakili Kementerian Kewangan sejak 2018.

"Kepimpinan, bimbingan, ilmu, nasihat dan komitmen yang beliau sumbangkan sepanjang perkhidmatan memberi manfaat kepada kami semua," kata Amir Hamzah lagi.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 8 Mei 2020, jam 5.20 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /  
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524  
atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*